

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk merangka rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam menangani keseimbangan tenaga kerja dan peluang pekerjaan dalam negara menjelang pertambahan jumlah penduduk Malaysia yang telah mencecah 32.58 juta pada suku tahun kedua bagi tahun 2019.

**JAWAPAN**

1. Kementerian Sumber Manusia melalui *Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA)* telah mengambil langkah pro-aktif merangka rancangan jangka masa pendek dan jangka panjang dalam menangani isu keseimbangan tenaga kerja dan peluang pekerjaan dalam negara ekoran pertambahan jumlah penduduk Malaysia yang mencecah 32.58 juta.

2. Langkah jangka pendek yang telah dilaksanakan oleh ILMIA adalah dengan melakukan kajian imbasan persekitaran (*environmental scan*) yang memfokuskan kepada industri-industri yang terpilih dan di senarai pendek. Kajian ini bertujuan untuk :-

- i. membangunkan landskap industri (gambaran dan pandangan industri) dengan menganalisa trend industri dan sub-sektor di bawahnya,
- ii. menganalisa profil tenaga kerja sedia ada dan yang diperlukan industri,
- iii. mengkaji keperluan kemahiran atau skil industri yang berkaitan,
- iv. mengkaji keperluan pembangunan kurikulum dan penyediaan latihan kepada tenaga kerja industri,
- v. memahami tahap permintaan dan penawaran bakat (kemahiran, kelayakan akademik, pengalaman kerja dan lain-lain).

3. Hasil dapatan imbasan persekitaran yang diperolehi di panjangkan kepada industri yang terbabit bagi membolehkan mereka mengambil langkah pembetulan, penambahbaikan dan pengekalan yang diperlukan.

## SOALAN NO : 37

4. Kajian-kajian imbasan persekitaran yang telah dilaksanakan adalah seperti *“Food & Beverage”*; *“Human Capital Issue: Equipment and Advanced Engineering Sector”*; *“Human Capital Issue: Services Activities Sector”*; *“E-Scan : Food and Beverage Sector- Expansion on the Halal Industry”*; *“Human Capital Issue: Shipbuilding and Ship Repair Sector”*; dan sebagainya.
5. Selain dari itu, Kementerian Sumber Manusia melalui ILMIA dan Talent Corp juga telah mewujudkan *“Critical Occupation List”* (COL) atau senarai pekerjaan kritikal yang menyaksikan penyenaian jawatan atau pekerjaan kritikal yang perlu pengisian segera dengan pematuhan keperluan kemahiran, kelayakan akademik, pengalaman kerja dan sebagainya bagi industri.
6. Senarai ini dapat membantu kerajaan dalam mengkoordinasi polisi serta memberi keutamaan terhadap inisiatif program dana awam seperti penawaran biasiswa, program *“up-skilling”* dan program *“re-skilling”* untuk meningkatkan penawaran pekerja berkemahiran kepada industri tempatan.
7. Sebagai usaha jangka panjang dalam menyeimbangkan keperluan tenaga kerja dengan peluang pekerjaan pula, Kementerian Sumber Manusia melalui ILMIA sedang dalam usaha mewujudkan Pelan Pembentukan Sumber Manusia Kebangsaan atau *National Human Resource Blueprint (NHRBP) 2019 – 2035*.
8. Pelan ini akan bertindak sebagai payung yang akan menyatukan semua rangka kerja polisi sedia ada berhubung perburuhan kebangsaan dan sumber manusia yang dikuatkuasakan oleh pelbagai agensi kerajaan. Pelan ini juga akan membantu kerajaan menggariskan dasar dan polisi sumber manusia yang menyokong dan memenuhi keperluan industri 4.0 serta bagi meningkatkan pengetahuan, kreativiti, keusahawanan, perlindungan sekuriti sosial, penawaran upah yang lebih tinggi dan produktiviti dalam usaha menambahbaik kebajikan pekerja disamping mempertingkatkan kemakmuran ekonomi negara.